



31 JAN, 2026

Tiga stesen jana kuasa Malakoff boleh operasi hingga 2029

Berita Harian, Malaysia



Tiga stesen jana kuasa Malakoff boleh operasi hingga 2029

Tiga stesen jana kuasa gas Malakoff Corporation Bhd dengan kapasiti agregat sebanyak 2,082 megawatt (MW) dipilih untuk meneruskan operasi sehingga 31 Disember 2029 berikutan pembeitahuan daripada Suruhanjaya Tenaga.

Malakoff dalam kenyataan berkata, pelanjutan ini membolehkan stesen jana kuasa berkenaan terus membekalkan tenaga elektrik kepada grid nasional, sekali gus menyokong keperluan tenaga negara berikutan permintaan yang berterusan serta peralihan landskap tenaga.

Katanya, pelanjutan ini memabitkan stesen jana kuasa di-kendalikan anak syarikat Malakoff, merangkumi dua stesen jana kuasa di Lumut, Perak, iaitu stesen jana kuasa Turbin Gas Kitaran Gabungan (CCGT) berkapasiti 1,303MW dan stesen jana kuasa Turbin Gas Kitaran Terbuka berkapasiti 429MW serta stesen jana kuasa CCGT Prai berkapasiti 350MW di Pulau Pinang.

“Dengan kapasiti gabungan sebanyak 2,082MW, stesen jana kuasa ini menyediakan penjaananaan yang diharapkan dan fleksibel, sekali gus membantu mengekalkan kestabilan grid serta margin rizab, khususnya ketika tempoh permintaan elektrik yang tinggi.

“Perjanjian pembelian tenaga baharu akan dimeterai dengan Tenaga Nasional Bhd bagi setiap stesen jana kuasa, membolehkan Malakoff menjana dan membekalkan kapasiti tenaga elektrik yang diperlukan sepanjang tempoh pelanjutan,” katanya. BERNAMA